

'Bonda ingatkan sentiasa jaga nama keluarga'

KUALA KUMPUR - Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak berkongsi kenangan manis bersama arwah bondanya, Allahyarhamah Tun Rahah Mohamed Noah sepanjang beliau berkecimpung dalam dunia politik.

Menurutnya, Allahyarhamah bondanya sentiasa mengingatkan beliau untuk menjalankan kerja dengan penuh dedikasi.

"Nama keluarga penting untuk dipertahankan walaupun dalam politik kerana ia memang tidak dapat elak daripada menjadi kecaman."

"Pada usia 23 tahun ketika saya mencebur ke bidang politik, bona sentiasa menyokong apa jua keputusan saya," katanya ketika ditemui selepas selesai upacara Istiadat Pengebumian Negara di Lingkaran Makam Pahlawan, Mas-

jid Negara di sini pada Sabtu.

Najib yang juga anak lelaki sulung daripada lima beradik mengakui masih sukar menerima pemergian Allahyarhamah bondanya namun reda.

"Allahyarham Tun Razak sudah tiada, jadi bondalah keutamaan kami. Amat sukar kehilangan seorang ibu, tentu kami semua rasa amat sedih, tapi ini ketentuan Ilahi."

"Bonda telah lalui kehidupan selama 87 tahun dan sampai kemuncak hidupnya dengan menyaksikan anak-anaknya membesar dan sedikit sebanyak berasa puas dengan apa yang kami lakukan," katanya.

Beliau juga menzahirkan penghargaan kepada kakaknya, Tun Suhailah yang juga ibu kepada Menteri Luar, Datuk Seri Hishammuddin Hussein yang meninggal dunia pada 4 Oktober 2014.

Oleh RAJA NUR FAZNIE AIDA dan ENGU SHARIFUL AZNI

KUALA LUMPUR

Jenazah Allahyarhamah Tun Rahah Mohamed Noah, bona kepada bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak selamat disemadikan dan diberi penghormatan Istiadat Pengebumian Negara di Lingkaran Makam Pahlawan, Masjid Negara jam 3.15 petang Sabtu.

Jenazah Tun Rahah, 87, disemadikan bersebelahan pusara kakaknya, Tun Suhailah yang juga ibu kepada Menteri Luar, Datuk Seri Hishammuddin Hussein yang meninggal dunia pada 4 Oktober 2014.

Makam Pahlawan turut menempatkan makam suami Tun Rahah iaitu Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein.

Solat jenazah, tahlil serta bacaan talkin dipimpin Imam Besar Masjid Negara, Ehsan Mohd Husni.

Raja Permaisuri Agong, Tunku Azizah

Tun Rahah disemadikan di Makam Pahlawan



Najib bersama isterinya, Datuk Seri Rosmah Mansor menyiram air mawar di pusara ibunya, Allahyarhamah Tun Rahah Mohamed Noah yang selamat disemadikan dan diberi penghormatan Istiadat Pengebumian Negara di Lingkaran Makam Pahlawan, Masjid Negara pada Sabtu.

Aminah Maimunah Iskandariah dan anakanda Tengku Puteri Afzan Aminah Hafizatullah bersama-sama ahli keluarga Allahyarhamah menyaksikan perjalanan terakhir Tun Rahah.

Tunku Azizah mewakili Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah yang kini berada di Abu Dhabi, Emiriah Arab Bersatu (UAE).

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan isteri Puan Sri Noorainee Abdul Rahman; bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi serta beberapa menteri Kabinet, antaranya Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail-Sabri Yaakob; Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Annuar Musa; Menteri Kewangan, Senator Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz turut menghadiri istiadat pengebumian itu.

Usai tahlil dan bacaan talkin, Tunku Azizah memulakan upacara menyি

ram air mawar diikuti oleh Muhyiddin dan Najib serta ahli keluarga Allahyarhamah yang lain.

Ini diikuti upacara penyerahan bendera Malaysia oleh Mohd Sallehudin kepada Najib, menandakan selesai Istiadat Pengebumian Negara Tun Rahah.

Istiadat pengebumian berlangsung dalam keadaan cuaca mendung, seakan turut berduka dengan pemergian srikandi negara itu.

Terdahulu pada sebelah pagi, jenazah Allahyarhamah Tun Rahah dibawa dari kediamannya di Jalan Eaton ke Masjid Ar-Rahah di Kampung Kerinch untuk dimandikan dan dikafarkan oleh petugas Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (Jawi) sebelum orang ramai dibenarkan memberikan penghormatan terakhir bermula jam 9 pagi.

Tun Rahah meninggal dunia petang Jumaat selepas dimasukkan ke Pusat Perubatan Prince Court.

Allahyarhamah yang dilahirkan pada 11 Jun

1933 di Muar, Johor merupakan puteri bongsu kepada tokoh politik tanah air, Allahyarham Tan Sri Mohamed Noah Omar.

Tun Rahah mendirikan rumah tangga dengan bekas Perdana Menteri kedua, Tun Abdul Razak Hussein pada 4 September 1952 dan mereka dikurniakan lima anak lelaki iaitu Najib, Datuk Seri Mohamed Nazir, Datuk Ahmad Johari, Datuk Mohamed Nizam serta Datuk Mohamed Nazim.

Pelbagai darjah kebersaran, anugerah dan pengiktirafan diterima Allahyarhamah sepanjang hayatnya, termasuk Darjah Seri Setia Mahkota daripada kerajaan persekutuan pada 1976 yang membawa gelaran 'Tun', Pingat Emas Tun Fatimah daripada Majlis Kebangsaan Pertubuhan-Pertubuhan Wanita (NCWO) dan Anugerah Srikandi daripada Persatuan Pandu Puteri Malaysia selain Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Pendidikan) dari Universiti Utara Malaysia.



Najib ketika ditemui pemberita selepas Istiadat Pengebumian Negara di Makam Pahlawan, Masjid Negara pada Sabtu.